

Budaya Politik dalam Kalangan Pengundi Luar Kelantan di Lembah Klang Pasca PRU ke-14

Political Culture among Voters Outside of Kelantan in Klang Valley Post General Election 14

MAZLI MAMAT, MOHD MAHADEE ISMAIL, KU HASNITA KU SAMSU &
ZATUL HIMMAH ADNAN

ABSTRAK

Pengundi luar Kelantan lebih cenderung mengundi PAS berbanding parti politik lain walaupun menetap di Lembah Klang. Pada dasarnya masyarakat di Lembah Klang ini majoritinya tidak menyokong PAS seperti mana di Kelantan. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk membincangkan bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan yang bermastautin di sekitar Lembah Klang. Kajian ini melibatkan seramai 403 orang pengundi luar Kelantan berbangsa Melayu, berumur 21 tahun dan ke atas yang menetap di Lembah Klang tetapi masih mengundi di Kelantan. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Responden kajian dipilih secara pensampelan bertujuan dan bola salji. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan ANOVA. Hasil kajian mendapati budaya politik pengundi luar Kelantan berbentuk subjek. Budaya politik berbentuk subjek ini merujuk kepada masyarakat menerima output daripada sebelah pihak sahaja tanpa mempersoalkan apa, mengapa dan bagaimana perkara tersebut berlaku. Hal ini bermakna hubungan individu dengan sistem politik adalah pasif dan bersikap menurut. Masyarakat jenis ini tidak banyak soal dan menerima penjelasan pihak tertentu tanpa menyelidik kesahihan maklumat terbabit. Masyarakat jenis ini biasanya merupakan penyokong tegar sesebuah parti politik. Implikasi daripada budaya politik sebegini menyebabkan pengundi bersikap taat melulu, mendengar kata dan tidak dapat membuat keputusan secara lebih rasional sehingga dianggap berada dalam keadaan minda tertawan.

Kata kunci: Budaya politik; pengundi luar Kelantan; Pilihan Raya; sosialisasi politik; konfigurasi

ABSTRACT

Voters outside of Kelantan tends to vote for PAS compared to other political parties, even though they live in the Klang Valley. Fundamentally, the people in Klang Valley in the majority do not support PAS as the people in Kelantan. Therefore, this paper aims to discuss the forms of political culture of voters outside of Kelantan which reside around Klang Valley. This research involved 403 Malay voters outside of Kelantan, aged 21 years old and above that reside at Klang Valley but still cast their vote at Kelantan. This research implemented the quantitative approach through the survey method which utilised the feedback forms. The respondents in this research were chosen through purposeful sampling method and snowball sampling method. The data for this research were analysed descriptively and through ANOVA test. The result of this research found that the political culture of voter outside of Kelantan is in the form of subjectivity. This subjective political culture refers to society accepting one sided output only without questioning what, why and how that matters happen. This shows that individual relationship with the political system is passive and behave obediently. This type of society does not questions much and accept the explanation from certain parties without investigating the authenticity of the information involved in the explanation. This type of society is usually hardcore supporters of a political party. The implication of this form of political culture cause the voters to become recklessly obedient, compliant and unable to make decisions rationally until they are considered to be in a captive state of mind.

Keywords: Political culture; General Election; voter outside of Kelantan; political socialisation; configuration

PENGENALAN

Budaya politik terhasil melalui pengalaman daripada proses sosialisasi politik yang memberikan

pengetahuan, membentuk ikatan kepercayaan dan perasaan yang bertindak sebagai garis panduan dalam penilaian bertingkah laku mengenai politik (Pye & Verba, 1965). Almond dan Verba (1965)

menjelaskan, budaya politik sesebuah masyarakat merupakan percampuran antara ketiga-tiga bentuk budaya politik, iaitu parokial, subjek dan penyertaan, namun akan ada satu bentuk budaya politik yang bersifat dominan. Seterusnya kesan daripada pengaruh budaya politik diterjemahkan ke dalam satu bentuk tingkah laku berpolitik bagi masyarakat berkenaan. Tingkah laku tersebut memberi penjelasan secara keseluruhan mengenai budaya politik masyarakat terbabit. Oleh yang demikian, tujuan utama makalah ini adalah untuk mengenal pasti bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan yang menetap di Lembah Klang. Tipologi yang diperkenalkan oleh Almond dan Verba (1965) bagi menerangkan budaya politik berdasarkan bentuk budaya politik telah berjaya menjelaskan tentang fenomena politik yang berlaku seperti dibuktikan melalui kajian Wan Ariffin, (2005), Mohd Mahadee (2018), Dogan Akkas dan Gilla Camden (2020), Stanley Tsarwe (2020) dan Zawiyah (2021).

Dalam konteks kajian ini, penghijrahan orang Melayu daripada luar bandar ke bandar sudah semestinya memberikan kesan kepada perilaku kehidupan termasuklah dalam aspek budaya politik mereka. Proses sosialisasi politik yang dilalui di tempat asal, iaitu di kampung halaman dan tempat tinggal semasa, iaitu di bandar memberi kesan kepada pembentukan budaya politik mereka. Golongan yang berhijrah ini, walaupun bekerja dan bermastautin di bandar besar terdapat sebilangan daripada mereka masih mengundi di tempat asal kerana tidak menukar alamat mengundi mengikut tempat tinggal semasa. Golongan pengundi jenis ini dikenali sebagai pengundi luar.

Seorang pemilih berdaftar kekal disenaraikan di alamat tempat mereka memohon mengundi selagi pemilih itu sendiri tidak memohon menukar alamat mengundi seperti termaktub di bawah Perkara 119(4)(b) Perlembagaan Persekutuan. Peraturan 12(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai kuasa untuk menukar alamat seseorang pemilih berdaftar sekiranya pemilih tidak memohon menukar alamat tempat mengundi mengikut tempat tinggal semasa. Prosedur untuk menukar alamat tempat mengundi, pemilih hendaklah terlebih dahulu memohon pertukaran alamat dalam Kad Pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara. Apabila alamat telah ditukar, pemilih perlu memohon pertukaran tempat mengundi di Pejabat Pilihan Raya Negeri, Ibu Pejabat SPR di Putrajaya

atau di Pejabat Pos seluruh negara untuk menukar tempat mengundi mengikut alamat tempat tinggal semasa.

Beza pengundi luar dengan pengundi biasa, pengundi luar mengundi di kawasan pilihan raya yang bukan mengikut tempat tinggal semasa mereka. Dalam hal ini, tiada peruntukan undang-undang yang boleh mewajibkan mereka untuk menukar alamat tempat mengundi mengikut tempat tinggal semasa. Oleh sebab itu, mereka yang dikenali sebagai pengundi luar ini akan terus wujud selagi tiada undang-undang yang boleh dikuatkuasakan, sekiranya pengundi itu sendiri tidak mengemaskini alamat mengikut tempat tinggal semasa mereka.

Kesan kehadiran pengundi luar dalam setiap pilihan raya juga ketara dan mereka boleh mempengaruhi kemenangan parti yang bertanding. Akhbar Sinar Harian (27 Feb 2017) melaporkan Dr Ahmad Zahid Hamidi, Presiden UMNO melahirkan kebimbangan terhadap kehadiran pengundi luar di sesuatu kawasan pilihan raya. Menurut beliau, pengundi luar membawa sentimen dan aspirasi budaya politik berbeza dengan pengundi tempatan dan mereka ini berupaya mempengaruhi pengundi lain terutama ahli keluarga terdekat untuk menolak dan menafikan kemenangan Barisan Nasional (BN). Sementara itu, akhbar Harian Metro (10 Mei 2018) melaporkan, Ahmad Yakob, Menteri Besar Kelantan turut mengakui pengundi luar memberi sumbangan yang signifikan terhadap kemenangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang lalu. Berdasarkan kenyataan tersebut, adalah jelas kajian mengenai budaya politik pengundi luar ini sangat penting untuk memahami tingkah laku pengundi luar hasil daripada proses sosialisasi politik yang dilalui. Sudah pasti perubahan yang berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat di tempat asal dan tempat tinggal semasa memberi kesan kepada budaya politik pengundi luar.

Budaya politik ini merupakan suatu unsur yang tidak bersifat statik dimana ianya sentiasa berubah-ubah mengikut situasi semasa, perubahan teknologi serta persekitaran, juga transformasi yang berlaku dalam mahupun di luar negara (Mohd Mahadee, 2018). Budaya politik ini merupakan satu sub budaya atau pecahan kepada budaya keseluruhan masyarakat. Sehubungan itu, kajian tentang budaya politik ini membolehkan kita mengangkat setiap nilai daripada elemen budaya yang lain dan juga meneliti sistem nilai politik, disamping menentukan nilai yang paling berkesan dalam kehidupan seharian

masyarakat. Umumnya kefahaman mengenai budaya politik dapat mengembangkan lagi pemahaman mengenai politik itu sendiri (Pye & Verba, 1965). Kajian mengenai budaya politik memberi tumpuan kepada orientasi politik yang merangkumi tentang struktur pemerintahan, dasar kerajaan, permintaan, perasaan serta penilaian rakyat terhadap pemerintah. Orientasi politik dipengaruhi oleh proses sosialisasi politik yang ditentukan oleh nilai masyarakat serta faktor lain seperti peristiwa sejarah, motif, norma, perasaan dan juga simbol (Talcott & Edward, 1962). Kavanagh (1987) menggariskan dua kepentingan kajian menggunakan konsep budaya politik, pertama dapat mengetahui sikap rakyat terhadap sistem politik dengan lebih jelas melibatkan jenis permintaan dibuat, cara menyuarakan sikap, reaksi rakyat terhadap sistem dan sokongan bantuan daripada popular kerajaan. Kedua, melalui kajian yang menggunakan konsep budaya politik, akan dapat memahami bentuk kaitan antara budaya politik dan prestasi sistem, maka dengan mudah dapat mengetahui perubahan politik berlaku.

Almond dan Verba (1965) mencirikan budaya politik kepada tiga bentuk, iaitu budaya politik parokial, subjek dan penyertaan. Budaya politik parokial wujud dalam kalangan masyarakat yang tidak mengambil tahu mengenai urusan politik. Kekekapan orientasi pengetahuan terhadap keempat-empat jenis objek politik mereka, iaitu objek struktur, objek input, objek output dan diri sebagai aktor juga adalah kosong. Manakala budaya politik subjek merujuk kepada masyarakat yang menerima output daripada sebelah pihak sahaja tanpa mempersoalkan apa, mengapa dan bagaimana perkara tersebut berlaku. Budaya politik subjek wujud apabila kekekapan orientasi pengetahuan politik yang tinggi terhadap sistem dan objek output, tetapi orientasi mereka terhadap objek input dan diri sebagai aktor adalah lebih rendah dan menghampiri kosong. Sementara budaya politik berbentuk penyertaan wujud apabila kekekapan orientasi pengetahuan politik adalah tinggi pada semua objek politik. Orientasi mereka boleh jadi menyokong atau menentang objek politik tersebut. Mereka juga cenderung berperanan sebagai aktivis, walaupun perasaan dan penilaiannya mungkin menyokong atau menentang sistem politik. Mereka boleh dikategorikan sebagai kumpulan masyarakat sivil yang mempunyai kesedaran politik yang tinggi (Almond & Verba 1965). Oleh itu, kajian ini bertujuan menentukan bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan di Lembah Klang.

SOROTAN LITERATUR

Budaya politik menurut Pye dan Verba (1965) terhasil melalui pengalaman daripada proses sosialisasi politik panjang yang memberikan pengetahuan, membentuk ikatan kepercayaan dan perasaan dan bertindak sebagai garis panduan dalam penilaian bertingkah laku mengenai politik. Pye dan Verba (1965) menambah, asas kepada pembentukan budaya politik terangkum menerusi nilai, sikap, kepercayaan dan sentimen yang membentuk peraturan serta makna bagi sesuatu perkara tentang politik. Kavanagh (1987) pula mencirikan budaya politik sebagai sebahagian daripada budaya masyarakat yang lebih luas. Budaya politik dianggap sebagai budaya kecil atau konfigurasi yang dipengaruhi oleh budaya politik yang lebih besar atau budaya politik umum. Oleh sebab itu, dalam usaha untuk menerangkan bentuk dan prestasi sistem politik, ahli sains politik memberikan penekanan kepada faktor yang mempengaruhi budaya politik tersebut (Kavanagh 1987).

Beer dan Ulam (1958) mengakui komponen utama dalam budaya politik adalah nilai, kepercayaan, sikap dan perasaan mengenai bagaimana sesebuah kerajaan patut ditadbir dan apa yang patut kerajaan lakukan. Dalam hal ini, segala aktiviti pemerintah menjadi perhatian masyarakat. Pandangan lain mengenai budaya politik, Macriadis (1961) menyatakan budaya politik sebagai satu set nilai dan matlamat yang diterima secara bersama. Apabila nilai telah diterima, nilai tersebut akan menjadi amalan serta ikutan dan inilah yang dikatakan sebagai budaya politik. Almond dan Verba (1965) pula melihat budaya politik sebagai orientasi yang meliputi sikap seseorang terhadap sistem politik dan bahagian serta peranan diri sendiri dalam sistem politik yang mempengaruhi corak, menentukan orientasi serta tingkah laku berpolitik. Dimensi orientasi ini terbahagi kepada tiga, iaitu kognitif, afektif dan penilaian (Mohd Rahimi et al. 2023).

Bagi Daimond (1993), dan Beer dan Ulam (1958), budaya politik adalah mengenai suatu tanggapan, kepercayaan, nilai, idea dan penilaian seseorang itu terhadap sistem politik dan peranan mereka dalam sistem politik berkenaan. Selain itu, Rosenbaum (1975) turut melihat budaya politik dari dua perspektif, iaitu tahap individu dan tahap masyarakat. Pada tahap individu, Rosenbaum (1975) menyatakan seseorang individu menerima kesan psikologi terhadap proses orientasi terhadap

elemen dalam sistem politik. Tahap masyarakat merujuk kepada pandangan keseluruhan masyarakat terhadap elemen dalam sesuatu sistem politik tersebut. Rosenbaum (1975) lebih lanjut menjelaskan budaya politik melibatkan tiga orientasi utama, iaitu orientasi terhadap struktur kerajaan, orientasi terhadap orang lain dan orientasi terhadap diri sendiri. Orientasi terhadap struktur kerajaan merujuk kepada bagaimana seseorang individu itu menilai tahap proses dan struktur kerajaan yang ada di sekelilingnya. Orientasi terhadap orang lain merujuk kepada pandangan dan penilaian seseorang itu terhadap individu yang mungkin memberi kesan kepada diri dan sistem politik mereka. Orientasi terhadap diri sendiri pula merujuk kepada peranan dan penilaiannya terhadap diri individu itu sendiri dan kesan yang dibawa olehnya terhadap struktur dan orang lain yang ada di dalam lingkaran sistem politik berkenaan.

Kajian awal mengenai budaya politik orang Melayu Kelantan dapat dilihat dalam kajian Firth (1966) yang membincangkan sejarah, ekonomi, sosial dan politik masyarakat Melayu Kelantan. Kajian Roff (1974) pula menggunakan unsur sejarah dalam menghujahkan bahawa budaya politik Kelantan ditunjangi oleh pengaruh golongan aristokrat. Golongan aristokrat dan guru agama bukan sahaja mendominasi politik di Kelantan sejak sebelum merdeka, bahkan golongan ini terus memainkan peranan penting dalam mencorak perjalanan politik Kelantan sehingga pada zaman moden. Bagi Kessler (1978) pertentangan antara PAS dan UMNO adalah merupakan jelmaan kepada pertentangan antara dua kelas sosial. Disebabkan golongan bangsawan banyak memperoleh manfaat daripada proses modenisasi, tindak tanduk politik mereka lebih didorong oleh faktor nafsu. Sebaliknya PAS menolak ganjaran berbentuk material serta duniawi dan berikrar untuk mempertahankan kepentingan Islam. Maka tindak tanduk politik PAS diandaikan berasaskan kepada perkiraan akal yang sistematik.

Kajian lain tentang budaya politik Kelantan boleh ditinjau menerusi kajian oleh Nash (1974) yang memberi fokus kepada tiga elemen, iaitu kegiatan pertanian, pengamalan agama dan kedudukan pembangunan di Kelantan. Kajian Nash (1974) merumuskan wujud hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga elemen dengan budaya politik orang Melayu Kelantan. Manakala kajian Winzeler (1975) memberi fokus kepada kedudukan agama Islam dalam budaya masyarakat Melayu di Kelantan.

Hasil kajian Winzeler (1975) mendapati agama Islam begitu istimewa dalam budaya masyarakat Melayu Kelantan. Mereka berbangga dengan imej Islam yang dibawa dan diamalkan serta Islam di Kelantan didapati lebih menyerlah berbanding di negeri lain disebabkan penguasaan terhadap agama Islam dan kewujudan sekolah pengajian agama yang tumbuh bagaikan cendawan. Kewujudan PAS pula didapati tepat pada masanya apabila parti Islam tersebut diterima baik oleh orang Melayu Kelantan kerana budaya politik masyarakat dengan idealogi perjuangan PAS adalah sepadan (Winzeler 1975). Situasi ini menjadikan PAS menerima sokongan padu daripada rakyat terutama orang Melayu sehingga berjaya membentuk kerajaan yang stabil di Kelantan.

Kajian lain mengenai budaya politik orang Melayu di luar Kelantan antaranya oleh Mohd Ali dan Jamaie (2005) yang membuat penelitian mengenai perkembangan budaya politik orang Melayu. Pembentukan budaya politik Melayu tradisional bersifat feodal yang mempunyai dua golongan, iaitu golongan yang diperintah dan golongan pemerintah. Kedatangan Inggeris yang mengekalkan nilai politik tradisi seperti kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ketua agama memperlihatkan seolah-olah orang Melayu tidak dijajah. Kajian oleh Wan Ariffin (2005) bertajuk 'Hubungan Antara Sosialisasi Dengan Budaya Politik Kelas Menengah Melayu Di Shah Alam' pula telah menyentuh berkenaan proses sosialisasi politik dan budaya politik. Dalam kajian ini, Wan Ariffin (2005) membincangkan secara terperinci mengenai agen sosialisasi politik yang mempengaruhi budaya politik kelas menengah Melayu di Shah Alam. Dalam kajian ini, didapati tiada satu pun agen sosialisasi politik yang dominan dalam semua keadaan disebabkan oleh agen sosialisasi politik ini saling berkait antara satu sama lain. Selain itu, kajian ini juga mendapati budaya politik masyarakat yang dikaji adalah berbentuk 'tertakluk-sempit' yang mana mereka mengambil tahu sebahagian isu, nilai dan struktur politik yang ada di sekeliling mereka sahaja.

Kajian oleh Mazlan, (2013) mendapati politik Malaysia pasca PRU ke-11, memperlihatkan budaya politik orang Melayu lebih dinamik dan bersifat rentas sempadan. Hal ini menjadikan wacana politik Malaysia tidak lagi di dominasi oleh faktor kaum tetapi diwarnai oleh penyertaan demokrasi, anti rasuah, pengagihan ekonomi lebih adil, akauntabiliti dan ketelusan. Trend pengundi yang menolak parti

perkauman telah memporak-perandakan ikatan permuafakatan BN. Trend politik selepas PRU ke-12 juga telah membuka ruang kepada pembentukan sistem dua parti rentas kaum dengan syarat kedua-dua parti mengambil sikap lebih moderat dalam isu-isu perhubungan antara kaum.

Sementara itu, Mohd Hariszuan (2014) dalam kajiannya mengenai prestasi buruk BN yang dipimpin oleh Mohd Najib Abdul Razak dalam PRU ke-13 yang kehilangan undi popular dan prestasinya lebih merosot daripada PRU ke-12. Analisis keputusan PRU ke-13 memberi penekanan kepada perubahan struktur ekonomi dan sosial menyumbang kepada perubahan budaya politik dan memberi kesan kepada tingkah laku politik masyarakat. Perubahan ini melahirkan gerakan sosial yang membina kebersamaan matlamat dalam masyarakat dan membentuk identiti budaya politik yang baharu.

Ilyas Abdullah dan Nurul Saadatun (2018) telah menjalankan kajian mengenai dinamika budaya politik orang Melayu di Terengganu dalam lima PRU bermula pada tahun 1999 sehingga 2018. Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada pola ketidaktentuan pengundian yang ditunjukkan dalam lima PRU di Terengganu. Hasil kajian oleh Ilyas Abdullah dan Nurul Saadatun (2018) mendapati budaya politik memainkan peranan penting terhadap dinamika budaya politik orang Melayu di Terengganu. Perubahan budaya politik di Malaysia yang drastik bermula pasca PRU Ke-10 apabila menjadi terbuka dan lebih kompetitif apabila gabungan parti oposisi berupaya menyaingi kekuatan UMNO/BN.

Mohd Mahadee (2018) pula membincangkan tentang budaya politik kontemporari yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Budaya politik merupakan suatu unsur yang tidak statik di mana ianya boleh berubah berdasarkan kepada perubahan persekitaran. Analisis yang dijalankan mendapati budaya politik masyarakat Melayu kini telah mengalami perubahan ketara, iaitu pada peringkat awal budaya politik masyarakat Melayu bersifat 'tertakluk-sempit' khususnya pada zaman feodal, zaman penjajahan dan awal kemerdekaan. Akan tetapi, impak dari modenisasi yang berlaku membawa perubahan kepada bentuk budaya politik yang bersifat 'partisipan-neo-feodal'.

Kajian oleh Zawiyah (2021) mengenai budaya politik orang Melayu mendapati budaya politik orang Melayu kontemporari telah mengalami perubahan, iaitu daripada budaya politik yang

berbentuk subjek kepada budaya politik berbentuk penyertaan. Hal ini dibuktikan menerusi peristiwa politik yang berlaku sepanjang 20 tahun yang lalu bermula dengan era reformasi, tahun 1998 sehinggalah era Malaysia baharu, tahun 2018. Secara umumnya, kajian Zawiyah (2021) telah memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang politik dengan berjaya memberikan gambaran tentang perubahan landskap politik orang Melayu sejak merdeka sehinggalah ke hari ini.

Perubahan landskap politik orang Melayu boleh dilihat bermula asas kepada pengundian orang muda. Hal ini kerana golongan muda Melayu mempunyai aspirasi yang tersendiri dalam mempengaruhi penglibatan mereka dalam politik (Azrie Azeh, Marzudi Md Yunus & Mohammad Tawfik Yaakob, 2023). Dalam kajian Marzudi Md Yunus et al. (2022) menjelaskan bahawa aspek gaya hidup, sukan dan kemudahan untuk mendapat sumber ekonomi merupakan antara faktor utama yang menjadi asas pemilihan dalam PRU-15. Walaupun aspek lain mendapat perhatian namun aspek sentimen etnik dalam membuat keputusan politik masih berpaksikan parti yang membela nasib etnik sendiri masih menjadi keutamaan (Muhammad Marwan dan Supyan Hussin, 2022). Oleh sebab itu, sokongan terhadap PAS masih kuat kerana sebahagian besar orang Melayu masih menganggap PAS sebagai parti mewakili kepentingan Melayu (Muhammad Marwan et al. 2022).

Sehubungan itu, berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini berusaha untuk mengisi kelompangan yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu tentang budaya politik orang Melayu. Kelompangan yang dimaksudkan adalah tentang bentuk budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan yang tinggal di sekitar Lembah Klang.

METODOLOGI

Data kajian ini didapati menerusi kaedah tinjauan di lapangan dan secara atas talian dengan menggunakan borang soal selidik. Kaedah pengumpulan data melalui atas talian turut dilakukan akibat kekangan pergerakan pandemik wabak Covid-19 semasa pengumpulan data dilakukan sekitar bulan September hingga Oktober 2020. Kajian ini dilakukan di sekitar Lembah Klang meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan beberapa kawasan sekitar Negeri Selangor. Persampelan bertujuan dan pendekatan bebola salji (*Snowball*)

telah dilaksanakan untuk mendapatkan responden seramai 403 orang terdiri daripada pengundi berbangsa Melayu, berumur 21 tahun ke atas, berasal dari Kelantan dan menetap di Lembah Klang. Berdasarkan daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hingga ST2/2021 yang diwartakan pada 26 Ogos 2021 menunjukkan jumlah keseluruhan pemilih bagi negeri Kelantan adalah seramai 1,085, 435 orang. Namun tidak terdapat angka yang tepat bagi pengundi luar Kelantan melainkan andaian beberapa pihak semata-mata. Oleh itu, penentuan saiz sampel kajian ini berdasarkan populasi daftar pemilih 1,085, 435 orang dan saiz sampel 403 ini melebihi saiz minimum mengikut Kejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian menggunakan skala Likert dengan mengekodkan dari “sangat tidak setuju” hingga kepada “sangat setuju”. Data kajian dianalisis menerusi SPSS secara statistik deskriptif dan analisis ujian Anova. Ujian kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian telah dilakukan, yang mana dimensi pengetahuan memperoleh

nilai 0.67. Selain itu, bagi memperkukuhkan kebolehpercayaan kajian, tiga orang pakar telah ditemu bual bagi mendapatkan pandangan mengenai budaya politik pengundi Kelantan. Pakar tersebut terdiri daripada Prof Dato’ Dr Mohammad Agus Yussof, Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Sivamurugan Pandian, Pensyarah Sosiologi, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Prof Dr Ahmad Fauzi Abdul Hamid, Pensyarah Sains Politik USM.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

LATAR BELAKANG DEMOGRAFI

Dalam kajian ini, profil asas responden telah dipecahkan kepada tiga kategori, iaitu mengikut jantina, tahap pendidikan dan pekerjaan. Taburan profil asas responden dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1. Latar Belakang Demografi Responden

Pemboleh ubah	(n)	(%)
Lelaki	230	57.1
Perempuan	173	42.9
SRP/ PMR	12	3.0
SPM/ SMU	66	16.4
STPM/ STAM/ Diploma	114	28.3
Sarjana Muda	167	41.4
Sarjana dan ke atas	40	9.9
Lain-lain	4	1.0
Pekerja Swasta	186	46.2
Penjawat Awam	120	29.8
Kerja Sendiri	55	13.6
Pelajar	28	6.9
Tidak Bekerja	14	3.5

Sumber: Kajian lapangan tahun 2020

Jadual 1 menunjukkan responden lelaki seramai 230 orang (57.1%), manakala responden perempuan pula adalah seramai 173 orang (42.9%). Berdasarkan

data yang dipaparkan ini, pecahan responden berasaskan pecahan jantina didapati seimbang antara responden lelaki dan juga responden perempuan

dalam kalangan populasi yang dikaji. Sementara itu, taburan responden mengikut pecahan kelulusan akademik tertinggi. Responden yang paling ramai dalam kajian ini adalah dalam kalangan mereka yang berkelulusan Sarjana Muda, iaitu seramai 167 orang (41.4%). Manakala responden berkelulusan peringkat STPM, STAM dan Diploma adalah seramai 114 orang (28.3%) diikuti dengan responden yang berkelulusan peringkat SPM, SMU seramai 66 orang (16.4%). Sementara itu, responden yang berkelulusan SRP dan PMR adalah seramai 12 orang (3.0%). Manakala responden yang kelulusan Lain-lain pula adalah terdiri daripada mereka yang berkelulusan peringkat sijil kemahiran, iaitu seramai 4 orang (1.0%).

Tahap pendidikan dan jenis pekerjaan merupakan satu perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan moden sekarang. Kepentingan pendidikan dapat dilihat dalam konteks peluang pekerjaan dan dengan tahap pendidikan yang tinggi selalunya menjamin pekerjaan dan juga pendapatan serta akan memperoleh kedudukan sosial yang lebih baik dalam masyarakat. Namun begitu, tidak semua pekerjaan mempunyai perkaitan secara langsung dengan tahap pendidikan, ada juga pekerjaan yang tidak mempunyai perkaitan dengan tahap pendidikan. Misalnya bekerja sebagai seorang peniaga tidak memerlukan pendidikan yang tinggi berbanding bekerja dalam sektor kerajaan mahupun sektor swasta (Wan Abdul Kadir, 1997). Walau bagaimanapun faktor tahap pendidikan ini turut mempunyai hubungan signifikan dengan arah kecenderungan serta arah sokongan pengundi dalam pilihan raya (Baharudin, 1989). Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam konteks persaingan politik antara UMNO dan PAS di Kelantan. Misalnya kajian yang dijalankan oleh

Ab. Rahman (1999) mendapati penyokong PAS terdiri daripada mereka berpendidikan tinggi dan berada dalam kalangan berstatus kelas bawahan. Manakala bagi pengundi UMNO pula, mereka memperoleh sokongan dalam kalangan golongan kelas menengah dan golongan elit.

Jadual 1 juga turut memaparkan taburan sektor pekerjaan, responden yang paling ramai terdiri daripada mereka yang bekerja di sektor swasta seramai 186 orang (46.2%), diikuti penjawat awam seramai 120 orang (29.8%). Manakala responden yang bekerja sendiri seramai 55 orang (13.6%) dan pelajar seramai 28 orang (6.9%). Manakala jumlah responden yang tidak bekerja termasuk suri rumah sepenuh masa yang paling sedikit dalam taburan mengikut sektor pekerjaan, iaitu seramai 14 orang (3.5%). Secara keseluruhan taburan responden yang paling ramai dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang bekerja di sektor swasta dan diikuti dengan penjawat awam

Bagi mengetahui perubahan yang berlaku kesan daripada proses sosialisasi politik, kajian ini turut memperincikan tentang tempoh masa responden menetap di Lembah Klang. Perincian ini dibuat bertujuan bagi melihat perubahan kesan daripada proses sosialisasi politik yang berlaku di tempat asal dan tempat tinggal semasa. Untuk tujuan itu, lima kategori tempoh masa telah ditetapkan dalam kajian ini, dimulakan dengan tempoh masa 1 hingga 5 tahun, diikuti dengan tempoh 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun dan 16 hingga 20 tahun. Kategori tempoh menetap yang terakhir adalah kumpulan yang menetap lebih daripada 20 tahun. Jadual 2 di bawah merupakan ringkasan dapatan mengikut pecahan tempoh masa menetap responden dalam kalangan pengundi luar Kelantan di Lembah Klang.

JADUAL 2. Tempoh Menetap Di Luar Kelantan

Pemboleh ubah	(n)	(%)
1-5 tahun	112	27.8
6-10 tahun	98	24.3
11-15 tahun	89	22.1
16-20 tahun	52	12.9
Lebih 20 tahun	52	12.9

Sumber: Kajian lapangan tahun 2020

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan tempoh masa responden menetap di Lembah Klang. Jumlah responden yang paling ramai adalah responden yang tinggal dalam tempoh masa antara 1 hingga 5 tahun, iaitu seramai 112 orang (27.8%). Manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah responden yang tinggal dalam tempoh antara 16 hingga 20 tahun dan responden yang tinggal lebih daripada 20 tahun, iaitu masing-masing seramai 52 orang (12.9%). Sementara itu, responden yang tinggal dalam tempoh masa antara 6 hingga 10 tahun adalah seramai 98 orang (24.3%) dan responden yang tinggal dalam tempoh 11 hingga 15 tahun adalah seramai 89 orang (22.1%).

Dalam usaha untuk mendapatkan responden yang menepati kriteria, didapati sebilangan mereka yang telah lama menetap di Lembah Klang telah menukar tempat mengundi daripada di tempat asal, iaitu di Kelantan kepada tempat tinggal semasa. Oleh sebab itu, jumlah responden yang telah lama menetap di Lembah Klang adalah lebih kecil berbanding dengan mereka yang baru menetap di Kuala Lumpur dan Selangor. Kumpulan responden yang tinggal dalam tempoh 1 hingga 5 tahun ini paling ramai disebabkan mereka masih belum menetapkan tempat untuk mereka bermastautin dan belum membuat keputusan sama ada perlu menukar alamat tempat mengundi mengikut tempat tinggal semasa atau sebaliknya (Mohammad Agus 2020).

Selain itu, responden dalam tempoh ini juga merupakan mereka yang baru mula untuk hidup berdikari dan juga baru sahaja menamatkan pengajian atau masih menuntut di institusi pengajian tinggi di sekitar Lembah Klang. Kumpulan responden ini masih mencari-cari pekerjaan yang sesuai serta stabil dan oleh sebab itu kumpulan ini masih ramai lagi yang tidak menukar alamat tempat mengundi serta masih menjadi pengundi di kampung halaman mereka (Ahmad Fauzi 2020). Manakala mereka yang telah menetap lebih daripada 15 tahun pula, mereka didapati telah membuat keputusan dan memilih tempat untuk mereka bermastautin. Mereka ini juga telah memperolehi kerja tetap yang stabil dan telah memulakan hidup berkeluarga (Ahmad Fauzi 2020). Oleh yang demikian, kumpulan yang telah lama menetap di Lembah Klang didapati mengambil keputusan untuk menukar tempat mengundi daripada mengundi di kampung halaman ke tempat tinggal semasa, iaitu di Lembah Klang.

BENTUK BUDAYA POLITIK PENGUNDI LUAR KELANTAN

Bentuk budaya politik masyarakat dapat ditentukan berdasarkan kepada kekerapan tahap orientasi pengetahuan terhadap objek politik yang merangkumi sistem sebagai objek am, objek input, objek output dan diri sebagai aktor sebagaimana tipologi yang dicadangkan oleh Almond dan Verba (1965). Budaya politik dapat dikelaskan kepada tiga bentuk, iaitu budaya politik parokial, subjek dan penyertaan. Budaya politik parokial wujud dalam kalangan masyarakat yang tidak mengambil tahu mengenai sebarang urusan politik. Kekerapan orientasi pengetahuan terhadap keempat-empat jenis objek politik juga adalah kosong. Budaya politik jenis ini merujuk kepada orientasi masyarakat terhadap objek politik yang lemah di mana individu dalam masyarakat tersebut hanya melihat skop politik dalam persekitaran kumpulan kecilnya semata-mata. Masyarakat jenis ini juga melihat objek politik yang berada di sekitar mereka sebagai tiada kaitan secara langsung dengan mereka dan menganggap sebarang keputusan politik tidak memberi kesan kepada kehidupan seharian mereka.

Sementara itu, budaya politik berbentuk subjek wujud apabila kekerapan orientasi pengetahuan politik yang tinggi terhadap sistem dan objek output, tetapi orientasi mereka terhadap objek input dan diri sebagai aktor adalah lebih rendah. Masyarakat jenis ini menganggap diri mereka tidak mampu memberi sumbangan yang signifikan untuk membuat perubahan. Manakala budaya politik penyertaan wujud dalam kalangan masyarakat yang mempunyai kekerapan orientasi pengetahuan terhadap keempat-empat objek politik adalah tinggi. Ahli masyarakat jenis ini mempunyai kesedaran politik yang tinggi dan mereka mengambil bahagian secara aktif dalam sistem politik. Jadual 3 di bawah merupakan hasil dapatan yang diperolehi berkenaan bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan di Lembah Klang.

Dalam kajian ini, didapati tahap pengetahuan responden terhadap objek struktur dan objek output adalah tinggi. Manakala dapatan untuk dimensi pengetahuan bagi objek input dan diri sebagai aktor adalah lebih rendah sedikit. Berdasarkan dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 3 di atas, adalah jelas bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan adalah berbentuk subjek yang semakin

menghampiri bentuk penyertaan. Penentuan bentuk budaya politik ini dibuat berdasarkan tipologi yang dicadangkan Almond dan Verba (1965) mengenai ciri-ciri bentuk budaya politik sesebuah masyarakat. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini sedikit

berbeza dengan kajian oleh Zawiyah (2021) yang menyatakan budaya politik orang Melayu kini secara keseluruhan berbentuk penyertaan berdasarkan pemerhatian terhadap penglibatan orang Melayu dalam politik.

JADUAL 3. Bentuk Budaya Politik Pengundi Luar Kelantan

Objek Politik	Dimensi Pengetahuan		
	Tinggi (%)	Sederhana (%)	Rendah (%)
Objek Struktur	389 (96.5)	14 (3.5)	-
Objek Input	347 (86.1)	48 (11.9)	8 (2.0)
Objek Output	371 (92.1)	32 (7.9)	-
Diri Sebagai Aktor	147 (36.5)	242 (60.0)	14 (3.5)

Min = 2.92

Sumber: Kajian lapangan tahun 2020

Dalam kajian ini, dimensi pengetahuan objek struktur berada pada tahap tinggi adalah seramai 389 orang (96.5%) dan objek output adalah seramai 347 orang (92.1%). Manakala responden yang berada pada tahap tinggi untuk objek input adalah seramai 347 orang (86.1%) dan diri sebagai aktor adalah seramai 147 orang (36.5%). Sementara itu, bagi responden yang berada pada tahap sederhana untuk objek struktur adalah seramai 14 orang (3.5%), objek input 48 orang (11.9%), objek output 32 orang (7.9%) dan diri sebagai aktor 242 orang (60.0%). Bagi responden yang berada pada tahap rendah untuk objek struktur dan objek output adalah kosong, manakala untuk objek input seramai 8 orang (2.0%) dan diri sebagai aktor adalah seramai 14 orang (3.5%).

Analisis yang dijalankan mendapati jumlah responden yang paling banyak berada di skor tahap tinggi untuk objek struktur, input dan output. Manakala untuk diri sebagai aktor skor tertinggi adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa skor untuk diri sebagai aktor pengundi luar Kelantan adalah masih berada pada tahap sederhana berbanding skor untuk objek politik yang lain berada pada tahap skor yang tinggi. Sehubungan itu, budaya politik pengundi luar Kelantan ini didapati menepati ciri-ciri budaya politik berbentuk subjek yang merujuk kepada masyarakat menerima output dari sebelah pihak sahaja. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati pengundi luar Kelantan tidak mengetahui sepenuhnya tentang perkara yang boleh dan tidak

boleh dilakukan oleh mereka dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara kerana skor untuk objek diri sebagai aktor dalam kajian ini berada pada tahap sederhana.

Dalam kajian ini seramai 403 responden terlibat dan daripada jumlah tersebut seramai 211 orang (52.3%) mempunyai kelayakkan akademik tertinggi adalah Sarjana Muda dan ke atas. Walaupun mereka berpendidikan tinggi dalam akademik, didapati pengundi luar Kelantan ini masih kurang berpengetahuan tentang peranan diri mereka sendiri dalam sistem demokrasi. Kekurangan ini disebabkan dalam proses sosialisasi politik tidak ditekankan mengenai peranan diri sebagai aktor sama ada oleh agen sosialisasi politik primer mahupun sekunder. Hal ini dengan sendiri dapat dibuktikan apabila hasil analisis yang dijalankan menunjukkan pengaruh diri sebagai aktor adalah rendah berbanding objek politik yang lain.

Hasil kajian ini juga turut dapat memberi gambaran tentang ciri-ciri budaya politik pengundi luar Kelantan di Lembah Klang yang berbentuk subjek. Ini bermakna hubungan individu dengan sistem politik adalah bersifat pasif dan menurut. Masyarakat jenis ini tidak banyak soal dan menerima penjelasan pihak tertentu tanpa menyelidik tentang kesahihan maklumat tersebut secara lebih mendalam. Noor Sulastry dan Nor Azila (2013) menyatakan budaya politik menjadi berbentuk subjek disebabkan rakyat bersikap pasif dan hanya menurut sahaja kehendak sistem politik atau mengangap diri mereka tidak meninggalkan

impak positif walaupun pada asasnya mereka dipengaruhi oleh sistem tersebut. Hal ini menjadi lebih jelas lagi apabila masyarakat yang berbudaya politik subjek adalah kalangan yang menganggap dirinya tidak penting dan tidak mampu memberi impak dalam mempengaruhi keputusan politik secara lebih berkesan.

PENGARUH DEMOGRAFI TERHADAP BENTUK BUDAYA POLITIK

Hasil analisis sebelum ini telah memperlihatkan secara keseluruhannya bahawa bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan adalah berbentuk subjek yang semakin menghampiri bentuk budaya

politik berbentuk penyertaan. Walau bagaimanapun didapati hanya diri sebagai aktor sahaja skor tertinggi berada pada tahap sederhana. Manakala untuk objek politik yang lain, skor tertinggi berada pada tahap yang tinggi. Oleh yang demikian, bagi menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan terhadap bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan dengan pemboleh ubah yang terpilih, iaitu berdasarkan umur, sektor pekerjaan, kelulusan akademik, pendapatan dan tempoh masa menetap di Lembah Klang, satu ujian Anova telah dijalankan bagi melihat perbezaan yang wujud terhadap pemboleh ubah terpilih. Jadual 4 di bawah merupakan hasil dapatan daripada analisis yang telah dijalankan menggunakan ujian Anova.

JADUAL 4. Keputusan Ujian Anova Sehalu

Pemboleh Ubah Demografi	Darjah Kebebasan (<i>df</i>)	Nilai F	Paras Signifikan	Sig. Pada Alpha 0.05
Umur	4	1.782	0.115	Tidak Signifikan
Sektor pekerjaan	4	2.307	0.058	Tidak Signifikan
Kelulusan akademik	5	1.207	0.305	Tidak Signifikan
Tempoh menetap	4	6.225	0.000	Signifikan

Sumber: Kajian lapangan tahun 2020

Jadual 4 merupakan hasil keputusan ujian Anova sehalu yang telah dijalankan bagi mengenal pasti sama ada ciri-ciri demografi seperti umur, sektor pekerjaan, kelulusan akademik dan tempoh menetap di Lembah Klang mempunyai perbezaan yang signifikan dengan bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan. Analisis yang dijalankan menggunakan ujian Anova sehalu mendapati hanya pemboleh ubah demografi tempoh menetap sahaja

yang mempunyai perbezaan signifikan dengan bentuk budaya politik. Nilai signifikan pemboleh ubah untuk tempoh menetap di luar Kelantan adalah lebih kecil daripada 0.05. Justeru itu, satu analisis lanjut telah dijalankan terhadap tempoh masa menetap untuk mengenal pasti perbezaan signifikan yang wujud antara tempoh masa menetap di Lembah Klang. Jadual 5 merupakan hasil dapatan daripada analisis yang telah dijalankan.

JADUAL 5. Bentuk Budaya Politik Berdasarkan Tempoh Menetap

Dimensi	Min	SP	F	(Sig.)P
Tempoh menetap			6.225	0.000
1-5 tahun	50.2946	4.25671		
6-10 tahun	50.6327	5.14809		
11-15 tahun	50.3708	4.07705		
16-20 tahun	49.5000	4.54390		
Lebih 20 tahun	53.3846	3.26691		

Sumber: Kajian lapangan tahun 2020

Data menunjukkan tempoh menetap di Lembah Klang mempengaruhi bentuk budaya politik. Responden yang telah menetap lebih daripada 20 tahun mempunyai nilai purata yang lebih tinggi berbanding dengan tempoh menetap yang lain. Selain itu, tempoh menetap antara 6 hingga 10 tahun dan 11 tahun hingga 15 tahun pula menunjukkan nilai purata yang lebih rendah sedikit berbanding lebih 20 tahun. Berdasarkan dapatan data yang dipaparkan dalam Jadual 5, boleh dirumuskan wujud perbezaan yang signifikan terhadap bentuk budaya politik terhadap tempoh masa menetap dalam kalangan pengundi luar Kelantan yang tinggal di Lembah Klang. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh daripada proses sosialisasi politik terhadap tempoh menetap di sesuatu kawasan telah mempengaruhi bentuk budaya politik sesebuah kumpulan masyarakat. Secara keseluruhannya bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan dipengaruhi oleh proses sosialisasi politik yang dilalui disepanjang perjalanan kehidupan disebabkan peranan yang dimainkan oleh agen sosialisasi politik yang memindahkan nilai politik serta pengetahuan politik sehingga terbentuknya budaya politik sedemikian dalam kelompok masyarakat yang dikaji.

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati budaya politik pengundi luar Kelantan yang bermastautin di sekitar Lembah Klang adalah berbentuk subjek. Dapatan temu bual, Mohammad Agus (2020) berpandangan budaya politik pengundi luar Kelantan berbentuk subjek bukan perkara yang luar biasa kerana pengundi luar Kelantan tidaklah seaktif jika dibandingkan dengan pengundi di dalam Negeri Kelantan. Walaupun pengundi mempunyai pelbagai persatuan berasaskan kenegerian dari Kelantan, budaya politik mereka tetap tidak sama kerana faktor budaya di tempat tinggal semasa berbeza dengan di Kelantan. Budaya politik masyarakat Melayu di Kelantan, mereka begitu cakna dan mengambil berat tentang perkara melibatkan politik serta gemar berbincang mengenai isu-isu politik semasa sehinggakan menjadi topik penting terutama di waktu terluang ketika berada di kedai kopi atau warung di sekitar penempatan mereka. Ketika pilihan raya, mereka mengambil bahagian secara langsung dan aktif menampal poster dan menggantung bendera parti politik yang mereka sokong.

Selain itu, Mohammad Agus, (2020) menyatakan pengundi luar Kelantan di Lembah

Klang budaya politik mereka berbeza disebabkan tidak mempunyai banyak masa terluang untuk berbincang mengenai isu politik semasa kerana masing-masing sibuk dengan urusan kerjaya. Di Lembah Klang, kerja memasang bendera, menampal poster diserahkan kepada kontraktor berbayar dan kebanyakan parti politik menggaji pekerja kontrak terdiri daripada warga asing untuk memasang bendera dan menampal poster untuk parti mereka. Oleh itu, Mohammad Agus (2020) berpandangan budaya politik pengundi luar dan budaya politik orang Kelantan yang berada di Kelantan secara keseluruhannya berbeza kerana pengundi di Kelantan lebih aktif berpolitik berbanding pengundi luar Kelantan yang bermastautin di sekitar Lembah Klang.

Sementara bagi Ahmad Fauzi (2020), pengundi luar Kelantan yang masih mengundi di Kelantan dan tidak menukar alamat tempat mengundi mengikut alamat tempat tinggal semasa menunjukkan bukti jelas bahawa pengundi luar Kelantan mempunyai budaya politik berbentuk subjek. Ini kerana golongan pengundi luar merasakan mereka lebih berkepentingan untuk mengundi di kampung halaman mereka berbanding mengundi di tempat tinggal semasa. Golongan ini melihat kepentingan mengundi di kampung halaman memberikan mereka satu kepuasan serta menjamin kepada kelangsungan kehidupan akan datang mereka dan juga saudara mara serta ibu bapa yang masih tinggal di kampung. Oleh sebab itu, pengundi luar Kelantan melihat tempat tinggal semasa adalah tempat tinggal sementara dan tidak menganggap sebarang keputusan politik di tempat tinggal semasa sebagai satu perkara yang penting kerana tidak memberi kesan kepada kehidupan mereka. Sehubungan itu, Ahmad Fauzi (2020) berpandangan tindakan pengundi luar yang tidak mengemaskini alamat mengundi dan terus menjadi pengundi luar adalah satu tindakan yang disengajakan bertujuan untuk memastikan persekitaran tempat asal mereka kekal seperti zaman kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri kampung Melayu tradisi. Tindakan ini merupakan satu petanda jelas pengundi luar Kelantan mengamalkan budaya politik berbentuk subjek.

Berbeza dengan Sivamurugan (2020) beliau berpandangan budaya politik pengundi luar Kelantan berbentuk subjek mungkin disebabkan oleh proses sosialisasi politik yang berlaku pada usia kanak-kanak dan remaja semasa mereka ini tinggal di Kelantan. Agen sosialisasi keluarga merupakan

agen sosialisasi terawal dan agen ini didapati lebih stabil berbanding dengan agen sosialisasi politik yang lain. Namun, apabila pengundi luar menginjak usia dewasa dan berhijrah keluar dari Kelantan ikatan yang terhasil daripada proses sosialisasi sebelum ini semakin longgar dan nilai politik baru berasaskan nilai orang bandar mula meresapi orientasi pengundi luar Kelantan ini. Nilai politik baru ini memainkan peranan melalui pengetahuan yang diperolehi yang digerakkan oleh agen sosialisasi politik sekunder di persekitaran tempat tinggal semasa sehingga terbentuknya budaya politik seperti yang dapat dilihat sekarang, iaitu berbudaya politik berbentuk subjek.

Berdasarkan hasil temu bual, dapat disimpulkan pandangan Mohammad Agus (2020), Ahmad Fauzi (2020) dan Sivamurugan (2020) jelas menunjukkan mereka bersetuju bahawa budaya politik pengundi luar Kelantan adalah berbentuk subjek. Hasil kajian dan tingkah laku yang dipamerkan, oleh pengundi luar Kelantan juga menepati ciri-ciri masyarakat berbudaya politik subjek kerana mereka tetap menyokong PAS walaupun prestasi pemerintahan PAS di Kelantan kurang memberansangkan (Shamsul A.B, 2017) berbanding di Kedah dan Terengganu. Pengundi luar Kelantan juga tidak dapat membuat pertimbangan yang lebih rasional terhadap pentadbiran PAS disebabkan terpesona dengan ideologi PAS yang menjadikan Islam sebagai teras perjuangan mereka seolah-olah pengundi ini terperangkap dalam budaya politik itu sendiri (Mohammad Agus, 2020). Situasi ini juga mempunyai perkaitan dengan sikap politik orang Melayu Kelantan itu sendiri yang melihat kepentingan 'Islam' adalah jauh lebih penting berbanding kepentingan berkenaan 'Melayu' atau perkara yang bersifat kebendaan (Mohd Mahadee & Ab. Bassit, 2008a).

Dipihak parti PAS pula, mereka tidak menolak pembangunan tetapi mahupun pembangunan yang selari dengan tuntutan agama (Riduan, 2015). Oleh sebab itu, PAS melancarkan slogan 'Membangun Bersama Islam' dan slogan ini sentiasa ditekankan oleh kepimpinan PAS sebagai matlamat utama mereka dalam berpolitik. Penyokong PAS dijanjikan dengan balasan syurga di akhirat kelak sekiranya mereka terus mendokong perjuangan menjadikan pemerintahan bercirikan Islam dan menubuhkan negara Islam di Malaysia. Bagi mengukuhkan sokongan, terdapat ahli politik PAS menggunakan kesempatan ketika memberi tazkirah serta kuliah agama di surau atau masjid menyelitkan kepentingan

berjuang bersama PAS (Mohd Mahadee dan Ab Bassit (2008b).

Namun begitu, setelah PAS memerintah Kelantan selama lebih dari 30 tahun, pembangunan bercirikan Islamik yang diwar-warkan masih tidak kelihatan dan PAS juga dikatakan tidak berbuat apa-apa untuk memajukan ekonomi Kelantan (Shamsul A.B, 2017). Buktinya dapat dilihat apabila rakyat Kelantan masih lagi terpaksa berhijrah keluar dari Kelantan atas faktor untuk meningkatkan sosioekonomi keluarga dan mencari peluang kehidupan yang lebih baik. Walaupun begitu, penyokong PAS masih kekal menyokong PAS dan berpegang teguh dengan perjuangan parti serta patuh kepada pemimpin (Junaidi et al., 2016; Junaidi, 2021) serta masih tetap mendokong slogan 'Membangun Bersama Islam'. Ketaksuban berlaku disebabkan masyarakat Kelantan telah diasuh sejak dari kecil untuk menyokong PAS. Pendekatan PAS yang membawa imej Islamik dan pemimpin mereka juga terdiri kalangan golongan agamawan yang dihormati dalam masyarakat secara tidak langsung telah menawan hati rakyat Kelantan (Mohamad Nadzri, 2020). Terdapat juga situasi di mana, pengundi terpaksa mengundi PAS kerana identifikasi yang telah tercipta hasil proses sosialisasi politik yang panjang dari awal usia sehinggalah dewasa. Pengundi PAS merasa bersalah seolah-olah menjadi seorang pengkhianat sekiranya mengundi parti selain PAS. Mereka juga merasa 'tidak sampai hati' untuk mengundi parti lain disebabkan ikatan dengan parti sejak sekian lama, walaupun mereka sedar prestasi pemerintahan PAS di Kelantan tidaklah begitu boleh dibanggakan (Muhammad Agus, 2020; Ahmad Fauzi, 2020).

Simbiosis antara dua pihak ini telah mewujudkan satu ikatan antara ideologi yang diperjuangkan oleh PAS dengan balasan sokongan politik tidak berbelah bahagi kepada parti tersebut. Proses sosialisasi berterusan telah menjadikan mereka akur dan terus memberi sokongan kepada parti tersebut (Junaidi et al., 2020) sehinggakan tidak mampu membuat penilaian secara rasional antara memilih calon atau parti yang berkebolahan untuk berkhidmat demi masa depan rakyat (Junaidi, 2021) atau atas kepentingan memilih parti berdasarkan ideologi politik semata-mata. Hal ini menurut Mohamad Nadzri (2020), berlaku boleh dikaitkan dengan mereka *uninformed*, *misinformed* dan *disinformed* terhadap maklumat sehingga membuat keputusan yang kurang rasional dan bersandarkan elemen tertentu semata-mata

Dari satu sudut lain, pengundi luar Kelantan ini boleh dikatakan sebagai berada dalam keadaan minda tertawan sepertimana yang diketengahkan oleh Shamsul A.B (2017). Apa yang dikatakan berada dalam keadaan 'minda tertawan', budaya politik rakyat Kelantan yang berbentuk subjek telah menyebabkan mereka tidak berupaya untuk membuat penilaian secara telus tentang kemampuan dan kebolehan PAS untuk mentadbir dan membangunkan Negeri Kelantan. Walaupun secara fizikalnya PAS tidak berjaya membangunkan Kelantan, sokongan terhadap PAS masih kekal utuh dan tidak berubah (Junaidi Awang Besar et al., 2016). Fenomena yang dipamerkan ini menepati ciri-ciri yang diperkatakan oleh Shamsul A.B (2017) bahawa pengundi Kelantan berada dalam keadaan minda tertawan.

Berdasarkan perbincangan di atas, rumusnya jelas budaya politik pengundi luar Kelantan berbentuk subjek disebabkan proses sosialisasi politik yang dilalui di tempat tinggal semasa dan juga tempat asal. Oleh sebab itu, kajian tentang budaya politik seperti pengundi luar Kelantan ini menjadi amat penting dalam memberikan kefahaman tentang budaya politik Kelantan secara keseluruhannya. Menerusi kajian sebegini telah menampakkan peranan agen sosialisasi sehingga membentuk budaya politik sedemikian. Dapatan kajian turut menunjukkan proses sosialisasi telah memberikan sumbangan signifikan menerusi peranan yang digerakkan oleh agen sosialisasi politik dalam mempengaruhi pembentukan budaya politik responden seperti dibuktikan menerusi Jadual 5, iaitu wujud perbezaan dari segi tempoh masa menetap di luar Kelantan. Paling penting kajian ini telah membuktikan bahawa kajian tentang sub budaya yang membentuk konfigurasi sangat penting untuk memahami dengan lebih mendalam tentang budaya politik sesebuah masyarakat yang diselidiki.

KESIMPULAN

Kajian mengenai budaya politik pengundi luar Kelantan memberikan kefahaman yang jelas tentang budaya politik Kelantan secara keseluruhannya kerana konfigurasi politik pengundi luar Kelantan yang memberi kesan signifikan kepada kemenangan PAS di Kelantan. Bentuk budaya politik pengundi luar Kelantan yang berbentuk subjek juga dengan sendirinya dapat memperjelaskan tentang fenomena

tingkah laku pengundi Kelantan yang cenderung menyokong PAS. Oleh itu, kajian mengenai kelompok sub budaya politik yang bertindak sebagai konfigurasi ini perlu diberi perhatian supaya budaya politik sesebuah masyarakat dapat difahami dengan lebih jelas dan mendalam. Hasil kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa proses sosialisasi politik secara berterusan memberikan sumbangan signifikan melalui peranan yang digerakkan oleh agen sosialisasi politik untuk mempengaruhi pembentukan budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan yang tinggal di Lembah Klang.

Justeru, berdasarkan dapatan kajian ini penulis menyimpulkan pengundi luar Kelantan terus menyokong Pas disebabkan susunan nilai dalam budaya politik mereka yang meletakkan nilai politik Islam lebih penting berbanding nilai politik pembangunan. Nilai politik yang dibawa oleh Pas didapati lebih dekat di hati pengundi luar. Oleh sebab itu, mereka lebih cenderung memilih Pas berbanding parti lain. Selain itu, walaupun peluang pekerjaan dan ekonomi yang kurang di Kelantan namun mereka akan dianggap lebih berjaya sekiranya dapat berdikari, bertapak dan berjaya di luar Kelantan. Oleh sebab itu, pengundi luar Kelantan tidak meletakkan keutamaan pembangunan disebabkan mereka telah selesai menikmati kemajuan di tempat tinggal semasa mereka sekarang. Proses sosialisasi yang berterusan semasa mereka menetap di Kelantan yang membawa nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian mereka menyebabkan kehidupan mereka sehati dengan cara hidup Islam. Pengamalan Islam di Kelantan berbeza dengan negeri lain kerana cara hidup Islam dan nilai Islam diletakkan pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding nilai-nilai politik yang lain. Oleh itu, sesebuah parti yang ingin mendapatkan sokongan pengundi luar Kelantan perlulah meletakkan nilai politik Islam pada kedudukan yang lebih tinggi dan penting berbanding nilai politik yang lain. Parti tersebut juga perlu mempamerkan bahawa parti mereka lebih boleh dipercayai untuk memartabatkan nilai politik Islam berbanding Pas.

RUJUKAN

- Ab. Rahman Ismail, 1999. Pembentukan polisi awam dan perkembangan politik di Kelantan: Satu kajian terhadap persepsi UMNO dan PAS. Tesis PhD, Universiti Malaya.

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2020. Budaya politik orang Melayu kontemporari, Kuala Lumpur. Temu bual, 28 Dis.
- Almond. G & Verba. S., 1965. *The Civic Culture*. Boston: Little, Brown.
- Azrie Azeh, Marzudi Md Yunus & Mohammad Tawfik Yaakob. 2023. Hubungan aspirasi belia Melayu terhadap penglibatan belia dalam politik di kawasan pinggir Bandar Terengganu. *Journal of Social Sciences and Humanities* 20(1): 123-137.
- Baharudin Ali Masrom. 1989. *Politik Melayu Abad 21*. Kuala Lumpur: D Enterprise.
- Beer S.H. & Ulam, A.B., 1958. *Pattern of Government: The Major Political System of Europe*. New York: Random House.
- Dahl, R. A. 1966. *Political Opposition in Western Democracies*. New Haven: Yale University Press.
- Daimond, L. 1993. *Political Culture and Democracy in Developing Countries*. Boulder, Colorado: Lynene Rienner Publishers Ins.
- Dogan Akkas. B & Gilla Camden. 2020. Political culture in Qatar: State-society relations and national identity in transformation. Dlm. *Gulf Cooperation Council Culture and Identities in the New Millennium*, disunting oleh Magdalena Karolak & Nermin Allam, 53-71. Singapore: Palgrave Macmillan.
- Firth, R. W. 1966. *Malay fisherman – Their Peasant Economy*. London: Routledge & K. Paul. Trench. Tubner.
- Ilyas Abdullah & Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah, 2018. Dinamika budaya politik Melayu dalam pilihan raya tahun 1999-2018: Terhentinya dominasi BN di Terengganu. *Sains Insani* 3(2): 30-37.
- Junaidi Awang Besar. 2021. Sentimen kepartian dan personaliti pemimpin pada Pilihan Raya Umum 2018: Kajian di kawasan di DUN Chempaka, Kelantan. *Akademika* 91(1): 81-96.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Novel Lyndon & Ahmad Afif Zulkipli. 2016. Pendekatan teori kelakuan pengundi dan pilihan politik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelawat, Bachok, Kelantan. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities. Special Issue 1*: 60-77.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani. 2020. Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 di wilayah Pantai Barat semenanjung Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 17(4): 60-77.
- Kavanagh, D. 1987. *Budaya Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kessler, C. S. 1978. *Islam and Politics in Malay State: Kelantan 1838-1969*. New York: Cornell University Press.
- Macridis, R. C. 1961. Interest group in comparative analysis. *Journal of Politics*: 25-45.
- Marzudi Md Yunus, Azrie Azeh & Rohaidah Haron. 2022. Memperkasa aspirasi ekonomi dan gaya belia Melayu: Faktor penentu kemenangan dalam Pilihan Raya Umum ke-15. *Malaysian Journal of Society and Space* 8(3): 200-215.
- Mazlan Ali. 2013. Faktor dan isu kemenangan parti-parti pembangkang di Kuala Lumpur dalam Pilihan Raya Umum Ke-12, 2008. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Mohammad Agus Yusoff. 2020. Budaya politik orang Melayu kontemporari, Bangi. Temu bual, 16 Dis.
- Mohd Ali Kamarudin & Jamaie Hamil. 2005. Budaya politik: Perspektif kepemimpinan politik Melayu daripada tradisi ke kontemporari. Dlm. *Tinjauan Baru Politik Malaysia*, disunting oleh Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Musa, 96-124. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hariszuan Jaharudin. 2014. Pilihan Raya Umum Ke-13: Perubahan budaya politik Malaysia dan krisis legitimasi moral Barisan Nasional. *Kajian Malaysia* 32(2): 149-169.
- Mohd Mahadee Ismail. 2018. Budaya politik kontemporari masyarakat Melayu di semenanjung Malaysia: satu penilaian kritis. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*: 470-482.
- Mohd Mahadee Ismail & Ab Bassit Husin. 2008b. Penterjemahan demokrasi dalam Pilihan Raya Umum ke-12: satu tinjauan ke atas budaya politik masyarakat Melayu Kelantan. *Seminar Politik Malaysia: Shah Alam. Mac 2008*, hlm. 349-362.
- Mohd Rahimi, Mazli Mamat, Asilatul Hanaa, Faezah Kassim, Muhammad Shamshinor & Fatimi Hanafi. 2023. Demographic factors as disparities in Sabah values of patriotism. *Journal of Techno-Social* 15(1): 47-58.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2020. Pilihan raya dan politik Malaysia pasca PRU 2018: Persaingan, dinamik dan implikasi. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47(1): 150-175.
- Muhammad Marwan & Supyan Hussin, 2022. Tingkah laku pengundian etnik Melayu pada Pilihan Raya Umum ke-14. *Journal of Social Sciences and Humanities* 19(1): 247-261.
- Muhammad Marwan, Supyan Hussin, Asma Hakimah & Awang Sariyan. 2022. Tanggapan etnik Melayu terhadap PAS dan UMNO di kawasan Parlimen Kangar, Perlis. *Journal of Social Sciences and Humanities* 19(2): 204-221.
- Nash. M., 1974. *Peasant Citizens: Politics, Religion, and Modernization in Kelantan, Malaysia*. Ohio University, Center for International Studies.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad & Nor Azila Mohd Azidin. 2013. Transisi kontra hegemoni dalam budaya politik Melayu di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 6(1): 120-137.
- Pye, L. W. & Verba, S. 1965. *Political Culture and Political Development*. New Jersey: Princeton University Press.

- Riduan Mohamad Nor. 2015. *Tribut Buat Sang Pencerah*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.
- Roff, W. 1974. *The Origin Of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rosenbaum, W. A. 1975. *Political Culture*. London: Thomas Nelson and Son Ltd.
- Shamsul, A. B. 2017. Trend politik semasa Kelantan. *Sinar Harian Online*, 27 Feb.
- Sivamurugan Pandian. 2020. Budaya politik orang Melayu kontemporari, Kuala Lumpur. Temu bual, 18 Dis.
- Stanley Tsarwe. 2020. Understanding Zimbabwe's political culture: Media and civil society. Dlm. *The History and Political Transition of Zimbabwe*, disunting oleh Sabelo Gatsheni & Pedzisai Ruhanya, 117-132. Switzerland: Palgrave Macmillan.
- Talcott Parsons & Edward A. Shils, 1951. *Toward A General Theory Of Action*. Cambridge: Harvard University Press.
- Wan Abdul Kadir Yusoff. 1997. Kedudukan nilai-nilai ekonomi orang Melayu. Dlm. *Ekonomi dan Politik Melayu*, disunting oleh Norazit Selat, 93-109. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Ariffin Wan Ahmad. 2005. Hubungan antara sosialisasi dengan budaya politik kelas menengah Melayu di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Winzeler, R. L. 1975. Traditional Islamic schools in Kelantan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* (48)1: 91-103.
- Zawiyah Mohd Zain. 2021. Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis. *Malaysian Journal of Society and Space* 17(1): 297-311.
- Mazli Mamat (corresponding author)
Jabatan Pengajian Kengaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.
Email: mazlimamat@gmail.com
- Mohd Mahadee Ismail
Profesor Madya di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.
Email: mahadee@upm.edu.my
- Ku Hasnita Ku Samsu
Profesor Madya di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.
Email: hasnita@upm.edu.my
- Zatul Himmah Adnan
Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Kengaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia.
Email: zatul@upm.edu.my